



BEBERAPA laluan di sebahagian kawasan Kampus UiTM, Puncak Alam, Kuala Selangor dinaiki air dalam kejadian banjir kilat semalam.



SEBAHAGIAN penduduk mengharungi air dalam kejadian banjir kilat di Taman Seri Alam dekat Saujana Utama, Sungai Buloh semalam.



BANJIR kilat turut melanda kawasan di sekitar Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh.

Puluhan rumah, kenderaan ditenggelami air di beberapa kawasan di Selangor

Hujan 2 jam sebabkan banjir kilat

Oleh **AHMAD SHAHERMAN**
SHAMSURI dan **SYED AZLAN**
SAYID HIZAR

SAHAN ALAM – Hujan lebat kira-kira dua jam mulai pukul 3 petang menyebabkan puluhan buah rumah dan kenderaan ditenggelami banjir kilat di sekitar Kua-

la Selangor, Sungai Buloh serta beberapa kawasan lain di Selangor semalam.

Antara kawasan yang dilanda banjir kilat di Kuala Selangor ialah di sekitar Kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam yang dinaiki air sehingga satu meter manakala di Sungai Buloh

seperti Taman Seri Alam dekat Saujana Utama, Kampung Kubu Gajah dan Kampung Baru Sungai Buloh.

Penolong Pengarah Operasi negeri, Mohd. Sani Harul berkata, selain itu, pihak bomba turut menerima panggilan kecemasan di beberapa daerah lain

di negeri ini melibatkan Kampung Bukit Cerakah serta Kampung Melayu Subang di sini, kawasan Kapar di Klang, Kampung Chinchang di Sepang dan Kampung Sri Aman, Puchong.

"Di Kampung Kubu Gajah, paras air naik hingga separas pinggang dan lima

orang mangsa terpaksa dibawa ke tempat selamat sementara menunggu air surut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Sani memberitahu, sehingga pukul 6 petang semalam, sekurangnya enam lokasi dilaporkan dinaiki air akibat banjir kilat.

"Bagaimanapun bagi semua kawasan yang terlibat, tiada pusat pemindahan yang dibuka kerana air mulai surut selepas hujan berhenti kira-kira pukul 5 petang kecuali seramai 15 orang di Kampung Chinchang, Sepang yang dipindahkan sementara ke tempat yang selamat," ujarnya.